Penyelidikan terhadap benih kelapa sentiasa dilakukan untuk hasil yang lumayan.

KELAPA UNTUK HASIL DAN PENDAPATAN YANG BERTAMBAH



Di Semenanjung Malaysia terdapat kira-kira 520,223 ekar tanah kelapa, 466,883 ekar dari jumlah ini dimiliki oleh pekebun-pekebun kecil yang mempunyai antara 3–5 ekar kebun kelapa seorang.

Sejumlah besar pokok-pokok kelapa di kebun-kebun kecil berumur 40 tahun ke atas, terbiar dan tidak mengeluarkan hasil yang memuaskan purata sebanyak 4 — 5 pikul kopra dari satu ekar setahun berbanding dengan 10 — 12 pikul kopra yang dikeluarkan oleh estet.

Berbanding dengan pendapatan dari getah, kelapa sawit dan tanaman padi dua kali setahun, pendapatan dari tanaman kelapa adalah yang rendah sekali.

Memandang kepada keadaan inilah Kerajaan telah melaksanakan Rancangan Pembangunan Pekebun-pekebun Kecil Kelapa yang melibatkan pemulihan dan Menanam Semula Kelapa dengan tujuan memberi bantuan kepada pekebun-pekebun kecil kelapa bagi memperbaiki kebun-kebun mereka supaya hasil dan pendapatan mereka bertambah.

Rancangan ini yang diperkenalkan dalam tahun 1963 mendapat sambutan yang menggalakkan dari pekebun-pekebun kecil kelapa dan telah dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Pertama (1966 — 70), Rancangan Malaysia Kedua (1971 — 75) dan Rancangan Malaysia Ketiga (1976 — 80).

Dalam Rancangan Malaysia Ketiga juga Rancangan Pembangunan Pekebun-Pekebun Kecil Kelapa mula dibekalkan benih kelapa kacokan MAWA kepada para peserta. Kelapa jenis baru ini mengeluarkan hasil tiga kali ganda dari yang terdahulu.

Kadar bantuan juga telah dinaikkan dari $600 seekar kepada $900 seekar bagi rancangan tanam semula dan dari $300 seekar kepada $600 seekar bagi rancangan pemulihan. Bantuan tanaman semula diberi secara berperingkat dalam masa lima tahun dan bantuan pemulihan diberi dalam jangka tiga tahun.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, Kerajaan menguntukkan $62.3 juta sebagai bantuan subsidi kepada pekebun-pekebun kecil kelapa.

Matlamat

Matlamat Rancangan Pembangunan Pekebun-Pekebun Kecil Kelapa ialah:-

- memulih dan menanam semula kebun-kebun kecil kelapa, dengan memberi bantuan wang dan bahan-bahan kepada pekebun-pekebun kelapa supaya hasil pengeluaran mereka bertambah;
- memberi perkhidmatan perkembangan pertanian kepada pekebun-pekebun kecil kelapa yang mengambil bahagian di dalam Rancangan Pembangunan Pekebun-Pekebun Kecil Kelapa;



Kopra yang darinya boleh dibuat minyak kelapa dan lelain bahan makanan.

Khidmat dan nasihat diberikan kepada perkebun-pekebun kecil kelapa.

Tanaman selingan

Memproses kopra untuk membuat minyak kelapa

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan Malaysia, Kementerian Penerangan. G.R. 1.2.3/F/B.M./JUN 78

Dicetak oleh Percetakan P.K.S. Sdn. Bhd., Petaling Jaya, Selangor.

- menggalakkan pekebun-pekebun kecil kelapa menanam tanaman selingan serta membiak ternakan yang sesuai selaras dengan dasar mempelbagaikan jenis tanaman dan ternakan dan;

- mengada dan menyelenggarakan tapak-tapak semaian dengan tujuan membekalkan anak-anak benih kelapa dan tanaman selingan yang baik dan terpilih kepada pekebun-pekebun kecil kelapa.

Matlamat — Keluasan dalam RMT.

Matlamat Kerajaan ialah untuk memulih dan menanam semula kelapa seluas 63,870 ekar dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Dari jumlah itu, 49,025 ekar akan dipulihkan dan 14,845 ekar akan ditanam semula;

Syarat-syarat Penyertaan

- Pekebun-pekebun kecil kelapa yang mempunyai kebun yang luasnya kurang dari 100 ekar dan kebun itu terletak di dalam kawasan Rancangan Pembangunan Pekbun-pekebun Kecil Kelapa;

- Tanah itu mempunyai syarat menanam kelapa. Tanah-tanah pertanian lain (melainkan tanah getah dan padi) boleh juga menyertai rancangan ini jika didapati sesuai.

- Semua peserta samada memulih atau menanam semula kelapa mesti menanam tanaman selingan yang sesuai dengan tanah pekebun. Tanam-tanaman selingan yang didapati sesuai ialah jagung, nenas, pisang, koko, kopi dan janggus. (Syarat ini khusus untuk Pantai Barat Semenanjung Malaysia);

- Kebun-kebun yang mempunyai kurang dari sepuluh pokok kelapa yang mengeluarkan hasil yang memuaskan adalah layak untuk menyertai rancangan Menanam Semula Kelapa. Jika bilangan pokoknya berlebih daripada sepuluh, pekebun layak menyertai rancangan pemulihan.

Tanaman Selingan dengan Kelapa

Lazimnya kelapa dianggap sebagai tanaman tunggal (*monocrop*) olehkerana akarnya yang begitu banyak menjadi persaingan pada tanaman lain. Anggapan ini telah diakui tidak benar dan tidak berfaedah.

Pada kebelakangan ini lorong-lorong di antara pokok-pokok kelapa telah ditanam dengan tanaman selingan dan tempat memelihara ternakan dengan mendapat keuntungan yang lumayan.

Di Semenanjung Malaysia tanaman selingan di bawah pokok kelapa dikenakan sebagai satu syarat untuk peserta memasuki Rancangan Pembangunan Pekebun-Pekebun Kecil Kelapa.

Syarat ini mula dikenakan dalam tahun 1971. Hingga sekarang sejumlah 23,319 ekar telah ditanam semula dan 88,395 ekar telah dipulih dengan kepala. Dari keluasan itu, 13,000 ekar diseling dengan koko manakala 2,500 ekar dengan kopi. Di samping itu, pekebun-pekebun juga digalakkan menanam lain-lain tanaman jangka pendek. Pemeliharaan lembu adalah digalakkan.

Tanaman Selingan Tahunan

Tanaman selingan jenis ini ditanam di bawah pokok-pokok kelapa yang muda. Tanaman-tanaman yang paling sesuai ialah tanaman jangka pendek, seperti jagung, kacang tanah, ubi kayu, sayur-sayuran, nenas dan pisang.

Tanaman selingan tahunan sangat sesuai ditanam di bawah kelapa yang belum berbuah kerana ia akan mendatangkan pendapatan yang diperlukan sementara menunggu hasil daripada kelapa.

Dengan menggunakan baja kelapa dan tanaman sehingga dengan betul, pokok kelapa bukan sahaja dapat dijaga tetapi akan mendapat faedah daripada tanaman selingan.

Tanaman Selingan Tetap

Menanam tanaman selingan yang tetap seperti koko di bawah pokok kelapa biasanya dibuat apabila kelapa tersebut sudah meningkat umur lima tahun. Di masa ini pokok tersebut sudah mempunyai akar yang kuat dan daunnya boleh memberi naungan kepada koko. Kopi boleh ditanam lebih awal lagi kerana ia tidak perlukan naungan.

Amalan menanam begini memerlukan jagaan yang rapi supaya tidak ada persaingan untuk baja dan cahaya matahari antara pokok kelapa dan tanaman selingan. Baja yang cukup mesti ditabur dan pokok kelapa mesti ditanam dengan jarak yang betul supaya naungan yang sederhana sahaja yang menimpa tanaman selingan.

Dengan menggunakan benih-benih yang bermutu dan subur pekebun-pekebun sudah pasti akan mendapat keuntungan.

Ternakan di dalam Kebun Kelapa

Ternakan lembu juga boleh dipelihara dengan tidak merosakkan pokok kelapa. Yang menjadi masaalah kepada pekebun-pekebun kecil Kelapa ialah kerosakkan kepada parit-parit.

Walaubagaimana pun, kebun-kebun yang tidak menanam koko atau kopi bolehlah dijadikan tempat ternakan lembu.

Ternakan Ayam Itik

Ternakan ayam itik sudah lama dijalankan di kebun-kebun kelapa di Seberang Prai dan Sabak Bernam. Keuntungan daripada hasil jualan ayam memang lumayan, lagi pun ayam-ayam ini memberi baja yang berfaedah untuk pokok-pokok kelapa.

Pentadbiran

Rancangan ini diletakkan di bawah Cawangan Pembangunan dan Latihan Pertanian.

Untuk menyenangkan perlaksanaan rancangan ini, Semenanjung Malaysia dibahagi kepada empat kawasan: Selatan, Tengah, Utara dan Timur.

Selain dari pejabat kawasan, ada beberapa pejabat lain yang terletak di kesemua sebelas Negeri di mana pekebun boleh mendaftarkan permohonan mereka.

Rancangan ini mempunyai lima tapak semaian di mana benih-benih kelapa dan Tanaman Selingan yang dibeli, disemai seketika sebelum dibahagikan kepada peserta-peserta. Tapak-tapak semaian inilah juga dijadikan setor baja sebelum dikeluarkan.

Tapak-tapak semaian itu ialah Jenjarom di Selangor, Parit Botak di Johor, Teluk Bharu di Perak, Cerok To'kun di Seberang Prai dan Melor di Kelantan.

Rancangan Pembangunan Pekebun-pekebun kecil mendatangkan hasil dan pendapatan yang bertambah kepada mereka



Kopra untuk dibawa ke kilang



Ternakan ayam itik memberi keuntungan dan baja untuk pokok-pokok kelapa

Nenas dan pisang sebagai tanaman selingan

Kelapa jenis kacokan MAWA dengan tanaman selingan

Isi kelapa ini dikeringkan menjadi kopra